



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu  
Jalan Bukit Kecil,  
20604 Kuala Terengganu,  
Terengganu Darul Iman.

Tel. : 09-621 3000/3001  
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415  
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UPBM 600-3/4/1 Jld.6 (65)

Tarikh : 19 April 2023

Pn. Norhana Hamim  
Pengarah  
Petrosains, The Discovery Centre  
Petrosains Sdn. Bhd.  
Tingkat 4, Suria KLCC  
Menara Berkembar Petronas  
**50088 Kuala Lumpur**

Tuan,

### **MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN, SOKONGAN & HEBAHAN UNTUK PELAKSANAAN PROGRAM 'PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2023' BAGI SEKOLAH-SEKOLAH SELURUH MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya surat tuan PSB/PRG/SPRO/43.2.1/23/028 bertarikh 16 Mac 2023 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) **tiada halangan membenarkan** pihak tuan untuk penganjurkan program tersebut bagi murid sekolah Negeri Terengganu pada **18 Mei hingga 26 Oktober 2023**. Walau bagaimana pun kebenaran ini tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas KPM, Bil. 7/1988, Bil.8 /1995, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010, serta mamatuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan Standard Operating Procedur (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 2.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang berkenaan;
- 2.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapatkan kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 2.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga,
- 2.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 2.5 Surat kebenaran /kelulusan ini **tidak boleh** digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 2.6 Penyertaan murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) / program/aktiviti sekolah;
- 2.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;

- 2.8 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program;
- 2.9 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 2.10 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;
- 2.11 Pihak pengajar dimohon untuk memastikan agar penerapan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain*);
- 2.12 Pihak penganjur dimohon mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran 1) kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, dalam tempoh 30 hari selepas tamat program.**
- 2.13 Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

3. Surat kebenaran ini hanya untuk program yang dinyatakan di atas sahaja iaitu pada **18 Mei hingga 26 Oktober 2023 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.


4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh hubungi **Puan Nor Anisah binti Ariffin** di talian **013-9273290** atau emel [anisah.ariffin@moe.gov.my](mailto:anisah.ariffin@moe.gov.my).

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**"ANJAKAN MUAFAKAT NEKAD"  
"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(KAMSAH@KAMAL BIN MOHAMED)**  
Timbalan Pengarah Pendidikan  
Sektor Pembangunan Murid  
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu  
Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan.  
- Makluman tuan.

## LAPORAN AKTIVITI DAERAH / NEGERI

1. NAMA AKTIVITI :
2. TARIKH PELAKSANAAN:
3. TEMPAT :
4. PENGLIBATAN / PENYERTAAN:

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU

5. JADUAL PELAKSANAAN AKTIVITI :
6. PERBELANJAAN / PERUNTUKAN YANG DITURUNKAN : (\*\*Jika berkaitan)
7. KEPUTUSAN PERTANDINGAN / PEMENANG : (\*\*Jika berkaitan)

KATEGORI PERTANDINGAN				
KEDUDUKAN	NAMA MURID	ID MURID	SEKOLAH	DAERAH
PERTAMA				
KEDUA				
KETIGA				
KEEMPAT				
KELIMA				

8. ISU DAN CABARAN :
9. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN :
10. GAMBAR :

Disediakan oleh :

Tarikh :